

BH 10/08/2009 11/3


# Harga saham ditutup rendah

Pengambilan untung kaunter kewangan terpilih pengaruhi pasaran

**Pergerakan KLCI**

**9 JUN 2009**

**Buka 1,076.29**  
**Tutup 1,071.79**  
**Tinggi 1,076.29**  
**Rendah 1,066.99**



**H**ARGA saham di Bursa Malaysia ditutup rendah semalam susulan aktiviti pengambilan untung, terutama saham kewangan terpilih.

Penanda aras Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ditutup 1.06 mata lebih rendah kepada 1,071.79, selepas dibuka 3.44 mata lebih tinggi pada 1,076.29.

KLCI bergerak antara 1,066.99 dan 1,076.29 sepanjang sesi dagangan.

"Pelabur membuat keuntungan dalam saham kewangan terpilih," kata peniaga.

Bagaimanapun, katanya, masih ada banyak mudah tunai dan sentimen positif dalam pasaran tempatan bagi merangsangkan pasaran.

Secara umumnya unjuran bagi komoditi masih baik dan permintaan daripada ekonomi utama seperti China dan India dijangka menyediakan rangsangan yang lebih baik untuk harga minyak mentah dan minyak sawit mentah.

Indeks Perladangan meningkat 5.75 mata kepada 5,460.28 dan Indeks Perusahaan menokok 8.65 mata kepada 2,349.56 namun Indeks Kewangan susut 65.90 mata kepada 8,336.06.

Indeks FBMEmas susut 4.55 mata kepada 7,201.52 dan FBM30 turun 14.85 mata kepada 6,839.44 manakala Indeks FBMMesdaq menokok 12.17 mata kepada 4,221.3 sementara Indeks FBM2BRD meningkat 21.08 mata kepada 4,740.94.

Kaunter rugi mengatasi untung 311 berbanding 306,

259 kaunter tidak berubah, 355 tidak diniagakan dan 36 lagi digantung.

Jumlah dagangan susut kepada 1.415 bilion saham bernilai RM1.207 bilion berbanding 2.055 bilion saham bernilai RM1.7 bilion kelmarin.

Antara kaunter aktif, KNM Group susut satu sen kepada RM1.03, Hovid Bhd-Warrants meningkat tiga sen kepada 11 sen, manakala Oilcorp menokok 5.5 sen kepada 54 sen dan Hovid untung sembilan sen kepada 34 sen.

Bagi saham berwajaran tinggi, Sime Darby meningkat lima sen kepada RM7.00, Maybank susut 15 sen kepada RM5.45, TNB tidak berubah pada RM7.90 dan TM turun sen sen kepada RM2.71.

Jumlah dagangan di Papan Kedua susut kepada 1.206 bilion saham bernilai RM1.136 bilion berbanding 1.852 bilion saham bernilai RM1.64 bilion kelmarin.

Jumlah dagangan di Papan Kedua meningkat kepada

122.913 juta saham bernilai RM53.894 juta berbanding 80.569 juta unit bernilai RM32.552 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan di Pasaran Mesdaq berkurangan kepada 63.796 juta saham bernilai RM11.918 juta berban-

ding 73.655 juta saham bernilai RM14.355 juta.

Warrant susut kepada 14.104 juta saham bernilai RM2.715 juta berbanding 29.601 juta unit bernilai RM6.398 juta sebelumnya.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang sebanyak 176.124 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan sebanyak 218.399 juta, pembinaan 63.893 juta, perdagangan/perkhidmatan 458.863 juta, teknologi 17.829 juta, infrastruktur 22.831 juta, kewangan 36.514 juta, hotel 27.205 juta, hartanah 133.971 juta, perladangan 49.426 juta, perlombongan 2,000, REIT 1.200 juta, dan dana tertutup 48,900. - Bernama

*Antara kaunter aktif, KNM Group susut satu sen kepada RM1.03, Hovid Bhd-Warrants meningkat tiga sen kepada 11 sen, manakala Oilcorp menokok 5.5 sen kepada 54 sen dan Hovid untung sembilan sen kepada 34 sen. Bagi saham berwajaran tinggi, Sime Darby meningkat lima sen kepada RM7.00, Maybank susut 15 sen kepada RM5.45, TNB tidak berubah pada RM7.90 dan TM turun sen sen kepada RM2.71*